



Fail:KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 (27)

Tarikh: 21 April 2012

SIARAN MEDIA GERAN TAHUNAN DAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR UNTUK KESELESAAN HIDUP RAKYAT

Alor Setar, 21 April - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melakukan lawatan turun padang ke Pasar Awam (Pasar Kobo), Jalan Sultan Abdul Halim pada pagi ini. Program anjuran Jabatan Kerajaan Tempatan ini mendekatkan YBM KPKT bersama rakyat. Pasar awam ini dalam perancangan untuk dibesarkan kepada 2 tingkat. Di majlis ini, Y.B. Menteri KPKT diberi penerangan mengenai cadangan membina dan menyiapkan kompleks Pasar Awam Alor Setar di Jalan Sultan Abdul Halim yang dianggarkan bernilai RM7,500,00.00. Kos pembinaan pasar awam ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Apabila siap, Kompleks Pasar Awam akan menempatkan 96 unit ruang niaga, gerai runcit : 6 unit, gerai makan 40 unit, tandas, pejabat dan surau.

Bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat, Pihak Bekuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Kedah disampaikan geran tahunan dan sumbangan membantu kadar oleh YBM KPKT kepada Datuk Bandar dan Yang Dipertua dari 11 PBT Negeri Kedah. Jumlah keseluruhan Geran Tahunan bagi PBT Negeri Kedah ini adalah RM29,928, 251.00 manakala Sumbangan Membantu Kadar adalah RM4,919,344.00.

Sekolah-Sekolah Lestari Peringkat Parlimen Kota Setar juga mendapat sumbangan bagi Program Flagship Sekolah Lestari - Rakan Alam Sekitar dari YBM KPKT. Majlis pagi ini juga turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kedah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my